

# PERANAN PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN BAGI STAF PEJABAT BENDAHARI DI UITM CAWANGAN KELANTAN

## *THE ROLE OF THE QURANIC CULTURE PROGRAM FOR TREASURER'S OFFICE STAFF AT UITM KELANTAN BRANCH*

Shafiza Safie<sup>1\*</sup>  
Nurul Hidayah Awang<sup>2</sup>,  
Mohd Khairul Anuar Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Shafiza Safie. Academic of Contemporary Islamic Studies. Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan, Malaysia. (E-mail: shafizasafie@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Nurul Hidayah Awang. Academic of Contemporary Islamic Studies. Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan, Malaysia. (E-mail: nurul659@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Mohd Khairul Anuar Ismail. Academic of Contemporary Islamic Studies. Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan, Malaysia. (E-mail: anuar785@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: shafizasafie@uitm.edu.my

### Article history

Received date : 26-8-2025  
Revised date : 27-8-2025  
Accepted date : 1-10-2025  
Published date : 11-10-2025

### To cite this document:

Safie, S., Awang, N. H., & Ismail, M. K. A. (2025). Peranan program pembudayaan al-Quran bagi staf pejabat bendahari di UiTM Cawangan Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 997 -1010.

**Abstrak:** UiTM Cawangan Kelantan telah mewujudkan program pembudayaan al-Quran yang melibatkan semua warga universiti seperti pelajar, staf akademik, staf pentadbiran serta pekerja am kontrak. Ia diletakkan bawah Pejabat Rektor di Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Kelantan pada tahun 2023. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan Program Pembudayaan Al-Quran terhadap staf Pejabat Bendahari dalam menanam minat mereka terhadap pengajian al-Quran dan implikasi yang diperolehi berkat Kalamullah ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual pihak-pihak yang terlibat dan juga peserta dalam kalangan staf Pejabat Bendahari disamping menggunakan metode dokumentasi. Analisis data kajian pula adalah secara manual dengan menggunakan teknik analisis tema. Hasil kajian mendapati peranan yang dimainkan oleh Universiti menerusi Program Pembudayaan Al-Quran khususnya dengan mengadakan sesi pengajian Al-Quran secara percuma yang diadakan oleh Pejabat Bendahari memberikan manfaat yang besar kepada para peserta dengan penggunaan pelbagai kaedah seperti talaqqi musyafahah, tiktir, tasmik, muraja'ah, penulisan di papan putih atau di skrin telah menjadikan mereka celik Al-Quran sehingga berjaya khatam 30 juzuk Al-Quran. Ini membawa implikasi positif dalam memupuk minat staf Pejabat Bendahari terutamanya untuk terus membudayakan pengajian Al-Quran dalam kehidupan seharian mereka seperti berjaya khatam Al-Quran, bermotivasi untuk terus mendalami Kitabullah, merasa lebih yakin dan dapat mengeratkan silaturrahim..

**Kata Kunci:** Pembudayaan Al-Quran; UiTM Cawangan Kelantan; Pejabat Bendahari, Talaqqi Musyafahah, Tikrir.

**Abstract:** *UiTM Kelantan Branch has created a Quranic culture program that involves all university staff such as students, academic staff, administrative staff and general contract workers. It is placed under the Rector's Office in the Islamic Affairs Division of UiTM Kelantan Branch in 2023. This study aims to examine the role of the Quranic Culture Program on the staff of the Treasurer's Division in cultivating their interest in Quranic studies and the implications obtained to this Kalamullah. This study uses a qualitative method by interviewing the parties involved and also participants among the staff of the Treasurer's Office in addition to using the documentation method. The analysis of the study data was done manually using thematic analysis techniques. The results of the study found that the role played by the University through the Quranic Culture Program, especially by holding free Quranic study sessions held by the Treasurer's Office, provides great benefits to the participants with the use of various methods such as talaqqi musyafahah, tikkar, tasmik, muraja'ah, writing on the whiteboard or on the screen has made them literate in the Quran until they successfully complete 30 juzuk of the Quran. This brings positive implications in fostering the interest of the Treasurer's Office staff, especially to continue to cultivate the study of the Quran in their daily lives, such as successfully completing the Quran, being motivated to continue to delve into Kalamullah, feeling more confident and being able to strengthen relationships.*

**Keywords:** *Quranic Culture; UiTM Kelantan Branch; Treasurer's Office, Talaqqi.*

## Pendahuluan

Al-Quran merupakan Kalamullah yang agung, diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh umat sejagat. Segala isi kandungannya dijamin terpelihara dari sebarang kepalsuan dan perubahan sehinggalah ke akhir zaman. Membacanya merupakan ibadah dan dicatatkan pahala di sisi Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), yang tersimpan dalam kitab yang cukup terpelihara, yang tidak disentuh melainkan oleh (makhluk-makhluk) yang bersih suci (Surah al-Waqi’ah 56:77-79).

Justeru tidak hairanlah para ulama juga turut membahaskan mengenai ganjaran pahala yang ditetapkan oleh Allah S.W.T bagi orang yang mendengar bacaan al-Quran dan melazimi mengulanginya serta beramal dengannya (al-Qurtubi 2002; al-Nawawi 2005 dan Farjani 1978). Selain itu, disarankan juga supaya memuliakan para ahli al-Quran kerana mereka memelihara kalamullah (al-Qur’awi1994) dan larangan dari menyakiti mereka (al-Nawawi 2005) serta sentiasa mendahulukan dan memuliakan ahli al-Quran (al-Saghirji 1992). Walaupun begitu kajian secara empirikal masih lagi berkurang dan perlukan kajian-kajian yang terkini bagi memperbanyakkan lagi bahan rujukan.

Kesedaran terhadap intisari wahyu dari dasar al-Qur'an, hadith dan sumber-sumber asal ajarannya merupakan faktor yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan terutama zaman moden ini. Ini kerana ia dapat mempertahankan keyakinan moral dan spiritual seseorang. Pemahaman yang baik terhadap intisari Al-Quran ini mencorakkan pandangan hidup dan dasar moral dan realisasinya dalam kehidupan individu dan sosial yang melingkunginya (Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman 2023).

Pada tahun 1999, UiTM Cawangan Kelantan telah ditubuhkan dan telah beroperasi selama 23 tahun. Ia menawarkan kepelbagaian disiplin ilmu dalam sains sosial, sains matematik dan pengurusan perniagaan. Sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi, Universiti perlu memainkan peranannya dalam menerapkan nilai-nilai murni dan profesional kepada seluruh pelajar, staf dan pekerja dalam organisasinya. Proses pendidikan yang menyeluruh ini akan dapat melahirkan satu budaya keilmuan dan peradaban yang seimbang di dalam organisasi dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat. Sebaliknya, sebarang kepincangan dalam melaksanakan proses pendidikan yang menyeluruh ini, ia akan melahirkan natijahnya yang juga pincang dan tidak seimbang. Permasalahan untuk melahirkan natijah pendidikan yang seimbang ini perlu diberikan perhatian khusus oleh pengurusan universiti sebagai sebuah pusat ilmu dan pendidikan yang bakal mencorakkan kualiti sesuatu masyarakat dan negara (Shafiza et al., 2021). Perdana Menteri telah meletakkan matlamat perpaduan di antara kaum dan keharmonian di antara masyarakat agama sebagai salah satu matlamat dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Oleh itu, elemen kesyukuran, keterangkuman dan keseimbangan dalam melaksanakan proses pendidikan adalah penting bagi menjamin pembinaan masyarakat yang perihatin, bersatu dan harmoni (Tan Sri Muhyiddin Yassin, 2020).

Program Pembudayaan Al-Quran (PPAQ) telah diwujudkan pada 1 April 2021 yang diletakkan di bawah Pejabat Rektor. Namun begitu pada tahun 2023 ia telah di letakkan di bawah Unit Hal Ehwal Islam yang juga di bawah Pejabat Rektor. Objektif penubuhan PPAQ ini adalah untuk menjadikan warga UiTM Celik Al-Quran di samping dapat membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan Al-Quran dalam kehidupan seharian. Ia juga dalam usaha melahirkan generasi Al-Quran bukan sahaja di universiti malah dibawa hingga ke rumah.

Rentetan daripada penubuhan PPAQ ini maka program pembudayaan tadarus Al-Quran Pejabat Bendahari telah bermula pada 13 April 2021 bersamaan 1 Ramadhan 1442H. Program ini digerakkan atas inisiatif pihak pengurusan yang diketuai oleh Ketua Jabatan merangkap Mantan Timbalan Pejabat Bendahari, Puan Ruhani Sulaiman, selaras dengan amanah yang diberikan oleh YBhg. Rektor UiTM Cawangan Kelantan ketika itu.

Bermatlamat untuk menyemarakkan budaya membaca dan memahami Al-Quran dalam kalangan warga kerja, program ini dilaksanakan secara istiqomah setiap hari bekerja sepanjang bulan Ramadhan, dengan pembacaan 1 muka surat sehari dalam tempoh 30 minit, iaitu dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 pagi. Ia diketuai oleh Encik Mohd Lutfi dan pelaksanaan program ini turut dibantu oleh Puan Azwanie dan Encik Mohamad Amir, serta didukung sepenuhnya oleh semua staf Pejabat Bendahari.

Justeru, pelaksanaan program dan kajian ini bagi menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi untuk Memacu Kesejahteraan Komuniti dengan melimpahkan keserjanaan universiti kepada masyarakat melalui peluasan aktiviti keilmuan dan pendidikan yang sampai kepada komuniti (Noraini Ahmad, 2021).

Menurut Rektor UiTMCK juga memuji penubuhan PPAQ ini kerana dilihat menyeluruh ke semua kampus di Kelantan dan bersistematik. Pembudayaan Al-Quran ini dilihat mampu mewujudkan ukhuwah kebersamaan di bawah satu payung Kalamullah. Hal ini disokong oleh kenyataan mantan Rektor UITMCK iaitu penerapan nilai-nilai murni dalam organisasi memerlukan proses pendidikan dan promosi yang berterusan dan menyeluruh. Objektif kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah peranan Program Pembudayaan Al-Quran UiTM Cawangan Kelantan dalam menanam minat staf Bahagian Bendahari kepada al-Quran

khususnya melalui kelas pengajian al-Quran yang diadakan dan implikasi program tersebut. Justeru menyedari akan kepentingan sesebuah institusi dalam membudayakan al-Quran dan menyemai nilai-nilai murni, maka pendekatan BACA, FAHAM, AMAL telah dilaksanakan. Program yang dijalankan ini berbentuk pengajian Al-Quran yang dinamakan dengan “Kelas Pengajian Al-Quran Percuma” kepada staf bahagian Bendahari ini dibuat setiap hari secara bersemuka dan juga secara atas talian bermula jam 8.30 pagi sehingga 9 pagi.

### **Metodologi Kajian**

Menurut Chua, Yan Piaw (2006), metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatukajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Dalam bahagian metodologi kajian ini, penyelidik akan menerangkan proses penyelidikan itu dijalankan bermula penerangan berkenaan reka bentuk kajian sehingga penerangan berkenaan penganalisan data.

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan pendekatan temubual sama ada secara bersemuka mahupun secara tidak bersemuka. Seramai lima orang dalam kalangan staf Bahagian Bendahari ditemubual sebagai responden kajian selaku yang mengikuti kelas pengajian al-Quran yang diadakan di bawah “Pembudayaan Al-Quran” UiTM Cawangan Kelantan. Pengkaji menggunakan temubual separa berstruktur bagi memudahkan dalam proses pengumpulan data. Kaedah pemilihan responden ialah secara bertujuan dan kaedah “bola salji” juga turut digunakan. Persetujuan daripada setiap responden juga turut diambil sebelum melakukan temubual. Pemilihan seramai lima orang responden tersebut melihat kepada kemampuan mereka dalam menjawab kepada objektif kajian. Guru bagi sesi pengajian Al-Quran bagi staf Bahagian Bendahari juga diambil yang mana merangkap orang yang bertanggungjawab dalam membudayakan Al-Quran di bahagian masing-masing. Menurut (Chua Yan Piaw, 2011) menyatakan bahawa menentukan saiz sampel yang sesuai untuk populasi dalam penyelidikan adalah aspek yang penting. Persampelan atau proses memilih beberapa subjek daripada populasi untuk dijadikan responden dalam penyelidikan mempunyai peranan penting dalam kejayaan sesuatu penyelidikan. Perancangan persampelan diperlukan untuk mengurangkan ralat pengukuran, menjimatkan masa dan mengurangkan kos dalam menjalankan penyelidikan. Menentukan saiz sampel yang sesuai melibatkan mempertimbangkan beberapa faktor termasuk tahap keyakinan, margin ralat dan variasi dalam populasi. Di samping itu kaedah kepustakaan iaitu melalui metode dokumentasi sebagai metod pengumpulan data digunakan seperti bahan-bahan yang menyokong kajian dan bukti dokumen seperti gambar, poster dan sebagainya daripada pihak pengurusan UiTM Cawangan Kelantan berkaitan kelas ini juga diambil. Manakala bagi metode penganalisan data adalah secara manual iaitu melalui teknik analisis tema. Metode induktif dan deduktif turut digunakan. Metode induktif bermaksud pernyataan daripada khusus kepada umum manakala metode deduktif pula bermaksud sesuatu pernyataan umum kepada khusus (Mohd Micheal Abdullah, 1995). Kaedah penganalisan tema juga digunakan. Selain itu metode kualitatif juga digunakan yang mana tidak ditemui dapatan bersifat angka kerana kajian berbentuk kualitatif lebih bersifat dekat dengan data iaitu melalui temu bual.

### **Dapatan dan Perbincangan**

#### **Kaedah -Talaqqi dan Musyafahah**

Talaqqi musyafahah merupakan gabungan daripada dua perkataan iaitu talaqqi dan musyafahah. Talaqqi adalah pertemuan antara murid dan guru secara individu atau



berkumpulan dalam memperbetul bacaan al-Quran (Mohd Zaini & Mohamad Marzuqi pada 2021). Kaedah Talaqqi Musyafahah Adalah dengan mempelajari Al-Quran secara bersemuka melalui mendengar, membaca, menghafaz, menulis dan mengulang (Nurul Husna Musaddin&Hafizhah Zulkifli, 2023). Guru juga sebagai sumber contoh dan seterusnya akan meneliti bacaan daripada murid dan menegur setiap kesalahan bacaan yang dilakukan oleh murid (Sulaiman, 2018). Manakala musyafahah pula adalah satu keadaan guru sebagai sumber contoh bacaan al-Quran yang tepat dan para pelajar akan mengikuti bacaan guru tersebut satu persatu.

Kaedah talaqqi musyafahah ini adalah di mana para pelajar akan bersemuka dengan para guru dan melihat pergerakan bibir guru (Mokhtar & Mohd Sarif, 2021). Dalam kaedah ini akan berlakunya interaksi dua hala antara guru dan pelajar. Guru akan berusaha untuk menyemak bacaan para pelajar dan para pelajar akan berusaha untuk mengikuti bacaan yang tepat daripada guru (Sulaiman, 2018) Konsep talaqqi musyafahah ini adalah satu bentuk pertemuan secara berhadapan antara guru dan murid (Abu Bakar at. al, 2019). Murid akan memerhati setiap huruf yang keluar daripada mulut para guru dan berusaha untuk mengikuti setiap kaedah sebutan yang diajarkan oleh para guru (Mokhtar & Mohd Sharif, 2021). Kaedah talaqqi musyafahah ini juga merupakan kaedah mempelajari al-Quran daripada mulut ke mulut iaitu antara para guru dan para pelajar dan disebut sebagai kaedah bersemuka (Shafiai & Abdul Rahim, 2021).

Dalam kajian yang dibuat oleh Ashraf, Ab. Halim dan Nurul Huda (2019), kaedah talaqqi musyafahah mula diamalkan oleh Rasulullah SAW semasa wahyu pertama diterima. Ketika Baginda sedang beribadah seorang diri di dalam Gua Hira, malaikat Jibrail a.s. datang bertemu Baginda. Kedatangan malaikat Jibrail a.s. membawa wahyu pertama iaitu surah al-'Alaq. Proses pengajaran dan pembelajaran ini bermula dengan malaikat Jibrail a.s. (Abd al-Salam Muqbil al-Majidi, 2010) membaca ayat tersebut terlebih dahulu dan Baginda mendengar bacaan tersebut. Kemudian Baginda mula membaca dengan lidah yang fasih dan lancar. Rabeah dan Sabri (2019) menjelaskan bahawa peristiwa agung ini menjadi permulaan kepada kaedah talaqqi musyafahah dan membuktikan kaedah ini adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran tertua dalam Sejarah perkembangan Islam. Justeru penerapan kaedah talaqqi musyafahah bukanlah suatu kaedah yang asing dalam dunia Islam (Muhammad Amirullah Jasni&Mohd Isa Hamzah).

Kaedah talaqqi musyafahah penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terutamanya melibatkan bidang tilawah Al-Quran dan bidang tahfiz Al-Quran. Kaedah ini menjadi pemangkin bagi seorang pelajar yang ingin memulakan pembacaan al-Quran. Kaedah ini juga penting untuk memberi panduan yang betul berkenaan tatacara pembacaan ayat yang hendak dibaca dan dihafaz. Justeru, Mohd Nahi (2018) berpendapat wujud hubungan yang signifikan apabila kaedah ini digunakan oleh para guru yang memulakan sesi pengajaran tilawah dan tahfiz Al-Quran. Selain daripada memperdengarkan bacaan mengikut kaedah talaqqi musyafahah, kaedah ini turut menjadikan hukum-hukum tajwid sebagai aspek yang ingin ditekankan supaya murid- murid dapat mengambil makna akan ayat yang dibaca.

Bidang tahfiz Al-Quran juga menjadikan amalan kaedah talaqqi musyafahah sebagai panduan asas sebelum memulakan hafazan. Kaedah ini juga wajib bagi golongan penghafaz al-Quran di sekolah dan maahad tahfiz. Guru menjadi sumber rujukan melalui pembacaan yang akan diteliti oleh muridnya. Dalam kajian Norhisham (2019) menunjukkan kaedah talaqqi musyafahah menjadi kaedah yang sangat efektif bagi membantu murid semasa proses pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran. Di samping itu juga kaedah-kaedah moden turut mewarnai dan

menyokong kaedah talaqqi musyafahah dalam meningkatkan penguasaan murid semasa pembelajaran tilawah dan hafazan al-Quran.

Kaedah ini juga turut digunakan di Pejabat Bendahari. Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa kaedah talaqqi musyafahah ini sering digunakan melihat kepada kepentingan dan faedah besar yang didapati melalui kaedah ini antaranya ialah staf dapat belajar melalui interaksi dua hala secara bersemuka dengan guru dan melihat pergerakan bibir guru. Justeru jika ada kesilapan dalam bacaan maka guru dapat memperbetulkan bacaan murid dengan segera dan menunjukkan cara sebutan dan bacaan yang betul. Ini diakui oleh kesemua responden merangkap anak murid atau staf yang turut sama dalam sesi pengajian Al-Quran di Pejabat Bendahari.

### **Secara Bersemuka dan Atas Talian**

Kaedah talaqqi musyafahah merupakan kaedah yang sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Quran. Walaupun pengajaran dan pembelajaran secara talian diperkenalkan secara meluas setelah wabak COVID-19 melanda dunia, kaedah talaqqi musyafahah ini masih digunakan bagi memastikan ayat-ayat suci Allah sentiasa terpelihara. Oleh itu, dengan kaedah yang unik ini mampu memelihara keaslian al-Quran daripada elemen-elemen yang berunsur tidak baik. (Anuar et al., 2020).

Tidak dinafikan dengan kemudahan teknologi kini telah menambahbaik kaedah PdP Hifz al-Quran mengikut arus semasa. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah mewujudkan pelbagai medium yang bersesuaian dengan keadaan semasa adalah melalui aplikasi Whatsapp, Telegram, Zoom, Google Meet, Youtube, Facebook, Instagram dan MsTeams (Nurul Khadijah Mohamad et al., 2020). Dengan kewujudan medium teknologi yang digunakan semasa PdP Hifz Al-Quran telah memberikan kemudahan dan memberi peluang kepada pengajar untuk meneruskan PdP Hifz Al-Quran walaupun secara dalam talian. Namun, para pengajar harus sentiasa menerapkan adab-adab ketika PdP Hifz al-Quran dilaksanakan (Anuar Hasin, 2020).

Islam melalui al-sunnah tidak menghalang pembelajaran dan pengajaran Hifz al-Quran seperti tajwid dengan menggunakan teknologi maklumat. Namun mestilah berusaha dalam menjaga keaslian ilmu dan menjaga tradisi asal ilmu mempelajari al-Quran seperti talaqqi musyafahah. Disamping itu juga, tidak terdapat sebarang dalil yang melarang dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran al-Quran. Namun, terdapat dalil yang boleh dijadikan sebagai panduan dan pedoman dalam melaksanakan PdP tajwid Al-Quran secara dalam talian. (Anuar Hasin, 2020)

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dijalankan secara bersemuka adalah medium terbaik bagi memudahkan para guru dan tenaga pengajar memantau serta menjaga kualiti hafalan pelajar. Namun, atas beberapa faktor PdP secara dalam talian perlu digunakan apabila suasana memerlukan seperti yang berlaku akibat COVID yang lepas. Justeru, hasil kajian ini mendapati bahawa PdP dalam talian bagi subjek Hifz al-Quran yang terbaik dikenalpasti hasil pandangan dan temubual pakar dalam bidang pengajian hifz al-Quran dan mendapati sebanyak empat kaedah terbaik yang telah dilaksanakan iaitu kaedah talaqqi secara talian, kaedah tasmik secara talian, kaedah muraja'ah secara talian dan medium yang baik mesti dipilih untuk digunakan semasa PdP Hifz al-Quran (Abdul Hadi Awang, 2024).

Justeru menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 28 Julai 2025) pengajian Al-Quran di Pejabat Bendahari juga turut memberi peluang dan ruang kepada staf yang tidak dapat mengikuti pengajian Al-Quran secara bersemuka di pejabat dengan menghadirkan diri melalui atas talian. Ini disebabkan oleh faktor jarak daripada Pejabat Bendahari UiTM Kota Bharu dengan Pejabat Bendahari UiTM Machang. Selain itu bagi staf yang mempunyai urusan lain, mereka juga dibenarkan untuk menyertai pengajian Al-Quran secara atas talian. Menariknya Pejabat Bendahari juga berlapang dada menjemput mana-mana staf atau ahli keluarga yang berkelapangan untuk sama-sama belajar Kalamullah ini. Selain itu, hasil sumbangan dan kerjasama daripada warga Pejabat Bendahari, sebanyak 20 naskhah Al-Quran, rehal, dan empat (4) bidang karpet telah disediakan bagi memberi keselesaan kepada para peserta program. Kemudahan ini turut mendukung suasana yang kondusif untuk pembacaan dan penghayatan Al-Quran.

### **Kelebihan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah**

Realitinya, kaedah talaqqi musyafahah ini merupakan kaedah asas yang sangat penting dalam pendidikan al-Quran khususnya di negara kita. Pengimplementasian kaedah ini sedikit sebanyak telah memberikan faedah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran seperti berikut:

#### **i. Keaslian Bacaan al-Quran Terpelihara**

Penerapan kaedah talaqqi musyafahah memberi gambaran bahawa keaslian bacaan al-Quran dapat dikekalkan (Muhamad, at. al.; 2019). Dengan kewujudan kaedah talaqqi bersanad dan kelas Tilawah al-Quran di khususnya dalam negara kita, keaslian bacaan al-Quran dapat dipelihara dan jauh daripada kesalahan kerana wujudnya guru yang alim dalam memastikan keaslian bacaan tersebut dijaga dan tidak dirosakkan. Kaedah talaqqi musyafahah ini merupakan kaedah yang penting dalam menjaga sanad dan bacaan al-Quran yang tepat (Omar & Mohd Yusuf, 2016).

Kaedah ini juga dapat menjaga hukum tajwid yang tepat dan ia mampu memelihara keaslian bacaan al-Quran kerana diambil cara bacaannya daripada sumber yang asli iaitu Nabi Muhammad SAW. Dengan pengejalan kaedah ini sedikit sebanyak kita mampu mengelakkan berlakunya penyelewengan terhadap ayat al-Quran (Hashim & Tamuri, 2012). Maka, kaedah talaqqi musyafahah ini merupakan kaedah yang dapat menjaga keaslian bacaan al-Quran dan dapat memastikan setiap pembacanya beramanah dalam mengekalkan keaslian tersebut.

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) pengajian Al-Quran di Pejabat Bendahari menggunakan kaedah ini atas permintaan ramai dan melihat kepada kepentingan kaedah ini sebagai kaedah utama dalam pengajian Al-Quran. Perkara ini disokong oleh (Azwanie Mat Zain, 2025) yang menyatakan bahawa dalam pengajian Al-Quran kaedah talaqqi musyafahah ini mesti dibuat kerana ia menjadikan para murid cepat memahami ayat-ayat Al-Quran yang diajar dengan baik dan tepat. Selain itu menurut (Norizziyani Mohd Ghazali, 2025) kaedah ini sangat penting dalam membina keyakinan diri apabila sentiasa melatih diri untuk membaca Kalamullah dengan diperdengarkan kepada guru dan ditegur secara langsung jika terdapat kesilapan dalam bacaan. Manakala menurut (Siti Hawa Attikah Mohd Roslan, 2025) menyatakan bahawa dengan menggunakan kaedah ini membuatkan beliau lebih cepat mengingat berkenaan hukum tajwid, makhraj huruf dan sebagainya berkaitan Al-Quran. Selain itu menurut (Tuan Azizah Tuan Yusof, 2025) menyatakan dengan menggunakan kaedah ini ia memudahkan peserta mengikut bacaan beliau, diberi peluang untuk memperdengarkan bacaan dan dibuat teguran atau pembetulan, ini membolehkan peserta mudah faham dan membuat penambahbaikan. Ini

ditambah pula dengan pembelajaran ilmu tajwid membantu peserta untuk lebih memahami hukum -hukum tajwid.

ii. Kualiti dan Mutu Bacaan al-Quran Dipertingkatkan

Penerapan kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran dapat meningkatkan mutu bacaan al-Quran (Mokhtar & Mohd Sharif, 2021). Kajian Mohd Abdul Nasir et al. (2017) mendapati kaedah talaqqi musyafahah ini berkesan dan dapat meningkatkan mutu bacaan dan penguasaan ilmu al-Quran dalam diri sampel kajian. Walaupun dalam kajian ini pengkaji memberi fokus kepada penelitian terhadap bacaan qiraat Warsh an-Nafi' namun dapatan kajian ini tidak menafikan bahawa wujudnya kesan yang baik dalam peningkatan mutu dan kualiti bacaan dalam kalangan sampel kajian (Abd Latif at. al., 2017). Selain itu, kaedah talaqqi musyafahah ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kesalahan ketika membaca al-Quran (Zainal Abidin & at. al., 2019). Ini kerana pembacaan Al-Quran yang betul dengan bertajwid adalah merupakan satu tuntutan dan hukumnya adalah fardhu ain (Mohd Hazwan Nor Hashim & Abd Rahman Abd Ghani. 2025).

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) dengan kaedah talaqqi musyafahah ini memberi Kesan yang baik terhadap bacaan kesemua peserta yang mengikuti pengajian Al-Quran di Pejabat Bendahari dan ini disokong oleh kesemua responden kajian. Mereka semua dapat merasai perubahan ke arah yang lebih baik dalam pembacaan Al-Quran mereka selain merasa tenang.

Ini kerana kaedah talaqqi musyafahah merupakan kaedah yang menjadi cara Rasulullah SAW mengambil bacaan Al-Quran dan cara Rasulullah SAW menyebarkan bacaan Al-Quran dan boleh menyebut kaedah ini adalah kaedah yang menjadi sunnah Rasulullah SAW (Abdullah, 2021). Umum mengetahui Baginda SAW sangat tekun ketika bertalaqqi Al-Quran bersama-sama malaikat Jibril a.s. Hal ini membuktikan bahawa kaedah talaqqi musyafahah ini adalah kaedah yang tepat dan perlu dipertahankan kerana ia merupakan sunnah Rasulullah SAW. Dalam penulisan Mohamad Redha (2020) turut bersetuju bahawa kaedah talaqqi dan dalam konteks kajian mereka yang memberi fokus kepada perbincangan konsep talaqqi Al-Quran bersanad, kaedah ini mampu menjaga sunnah Rasulullah SAW (Mohamad at. al., 2020)

Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian mengakui akan kepentingan kaedah talaqqidan musyafahah ini dalam pengajian Al-Quran kerana mereka dapat belajar secara langsung dengan guru dan adanya interaksi dua hala yang berkesan dan baik.

### **Kaedah TIKRAR**

Kaedah tIKRAR berasal daripada perkataan arab iaitu 'tiqrar' yang bermaksud pengulangan. Dalam konteks pengajian Al-Quran kaedah tIKRAR merujuk kepada teknik mengulang bacaan ayat alquran berkali-kali dalam jumlah tertentu bagi tujuan memantapkan hafazan, melancarkan bacaan, meningkatkan daya ingatan dan penguasaan serta memperbetulkan tajwid dan sebutan. Kaedah ini sangat berkesan dan diamalkan secara meluas di institusi tahfiz, kelas hafalan dan pembelajaran individu di rumah (Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et.al., 2020). Kaedah tIKRAR perlu dilaksanakan mengikuti proses tanpa dilibatkan dengan cara yang terburu-buru dalam membacanya kerana pengulangan seperti ini akan lebih menyumbang kepada keletihan, kebosanan serta cepat lupa apabila setelah selesai mengingatinya (Fatin Husna & Noornajihan, 2024).

Ini sebagaimana (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa beliau selaku guru yang mengajar Al-Quran di Pejabat Bendahari menggunakan kaedah ini untuk saling mengingati dan



memperbetulkan bacaan yang telah dipelajari dan akan dipelajari pada setiap sesi yang berlangsung agar para peserta pengajian Al-Quran dapat menyebutnya dengan baik dan betul. Beliau akan memastikan para peserta dapat menguasainya dengan baik sebelum beralih ke ayat lain atau surah lain. Bagi ayat yang sukar maka beliau akan lebih kerap mengulanginya bagi memastikan para peserta dapat menyebut dan menguasainya dengan baik. Hal ini disookong oleh kesemua responden kajian yang menyatakan kaedah tkrar ini sangat penting dalam penguasaan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang tepat.

### **Kaedah Tasmik**

Pelajar tahfiz bukan sahaja perlu menghafal al-Quran, mereka juga perlu sentiasa memperbaiki bacaan mereka melalui kaedah pembelajaran al-Quran yang dipanggil sebagai kaedah tasmik al-Quran. Apabila menggunakan kaedah tasmik, ayat-ayat al-Quran bukan sahaja lebih mudah dipelajari tetapi juga lebih mudah dibaca. Pelajar sering dikehendaki membaca petikan al-Quran dengan kuat di hadapan rakan sekelas mereka kerana ia merupakan sebahagian daripada PdP di dalam pengajian Islam. Sebarang kesilapan akan dibetulkan segera oleh pengajar. Selepas pelajar selesai membaca, pelajar akan diuji dengan pengetahuan tajwid, yang merujuk kepada kaedah-kaedah menghurai abjad Arab, serta maksud tersembunyi tanda-tanda yang mereka temui. Melalui latihan tasmik yang dilaksanakan secara bersemuka, pengajar boleh mengetahui pencapaian pelajar, mengklasifikasikan berdasarkan pencapaian pelajar, dan meningkatkan kesedaran pelajar tentang kesalahan membaca dan peluang untuk menambah baik (Abdul Hadi Awang et al., 2024).

Kaedah tasmik merupakan kaedah yang digunakan oleh pengajar dalam PdP Hifz al-Quran bagi mendengar bacaan pelajar bagi mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam menguasai bacaandan hafazan al-Quran (Ashraf Ismail et al., 2020). Kaedah tasmik dengan menutup mata ada dinyatakan dalam kajian Ashraf Ismail et al. (2020). Kaedah ini adalah untuk mengelakkan daripada unsur keraguan berlaku ketika tasmik sedang berlangsung secara dalam talian. Sekiranya pelajar mempunyai masalah rangkaian internet semasa tasmik, pelajar masih boleh menghantar tugas dengan merakam video bacaan dan menghantar menggunakan aplikasi yang diarahkan oleh pengajar.

### **Kaedah Muraja'ah**

Muraja'ah adalah mengulang semula bacaan hafalan al-Quran yang telah dihafal bagi mengukuhkan lagi ingatan hafalan bacaan al-Quran agar tidak lupa dan hilang daripada ingatan (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Kaedah murajaah adalah bertujuan bagi mengukuhkan hafazan lama, mencegah daripada lupa ayat-ayat yang telah dihafal, memastikan kelancaran dan ketepatan bacaan dari sudut tajwid dan makhraj serta menjadi asas penting sebelum menambah hafazan baharu.

Menurut Abdul Aziz Abdur Ra'uf (2009), jika dilihat dari segi strateginya, metod murajaah ada dua (2) jenis, iaitu:

- i. Murajaah dengan melihat Mushaf (bin Nazhar). Kaedah ini tidak memerlukan penumpuan yang mengalirkan otak. Oleh itu, pampasan perlu disediakan untuk dibaca sebanyak mungkin. Kelebihan murajaah seperti ini ialah dapat membantu otak merekodkan lokasi setiap ayat yang dibaca. Selain itu, ia juga berguna untuk mengembangkan kefasihan lidah dalam membaca, supaya kebolehan menyebut secara spontan terbentuk.
- ii. Murajaah tanpa melihat mushaf (bil ghaib). Kaedah ini agak menguras otak, jadi anda berasa cepat letih. Oleh itu, adalah wajar ia hanya boleh dilakukan seminggu sekali atau

setiap hari dengan jumlah juz yang sedikit. Boleh dilakukan dengan membaca sendiri di dalam dan di luar solat, atau bersama pasangan (Abdul Aziz Abdur Ra'uf Al-Hafidz, 2009).

Manakala antara kaedah muraja'ah yang boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi adalah dengan menggunakan quizzes yang merupakan satu laman web yang boleh digunakan para pengajar untuk membuat kuiz mengenai Hifz al-Quran secara dalam talian.

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa beliau akan menggunakan kaedah ini sebelum beralih ke ayat atau surah baru bagi memastikan para peserta menguasai apa yang telah dipelajari dengan baik dan beliau juga membuat kuiz agar lebih menarik dan mengelak daripada rasa bosan semasa sesi pengajian Al-Quran. Beliau akan bertanya para peserta sama ada secara berdepan mahupun di dalam talian. Kesemua responden kajian menyatakan bahawa kaedah muraja'ah ini dapat menguatkan lagi ingatan mereka terhadap ilmu yang telah dipelajari dan mereka juga merasa seronok serta tidak jemu sepanjang sesi pengajian Al-Quran ini berlangsung.

#### **Kaedah Penulisan di Papan Putih atau di Skrin**

Kaedah penulisan di papan putih atau di skrin dalam pembelajaran al-Quran merupakan salah satu strategi visual yang digunakan dalam memudahkan pemahaman, penguasaan tajwid serta hafazan pelajar. Kaedah ini adalah melibatkan pemaparan ayat-ayat al-Quran secara bertulis sama ada di papan putih, papan pintar atau skrin *projector* supaya pelajar dapat melihat struktur ayat dengan jelas, memahami hukum tajwid secara visual serta menulis dan menghafal dengan lebih fokus. Antara kelebihan kaedah ini ialah menarik minat untuk belajar, memudahkan penguasaan tajwid dan makhraj, membantu mengenal huruf dan perkataan serta boleh digunakan dalam pembelajaran bersemuka atau dalam talian (Jamilah Ahmad et al., 2021).

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa kaedah ini memang digunakan bagi memudahkan proses pemindahan ilmu Al-Quran kepada para peserta. Bagi beliau, kepelbagaian dalam pengajaran Al-Quran itu penting supaya para peserta tidak bosan dan memberi fokus yang baik semasa sesi pengajian berlangsung. Interaksi dua hala juga dapat diwujudkan seterusnya membina hubungan yang baik antara guru dan peserta pengajian Al-Quran.

Implikasi positif yang boleh didapati daripada kaedah ini adalah:

i. **Majlis Khatam Al-Quran.**

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa hasil komitmen yang berterusan selama 3 tahun 11 bulan, sebanyak 30 juzuk Al-Quran berjaya dikhatamkan secara lengkap dalam 604 episod. Sebagai simbolik pencapaian tersebut, Majlis Khatam Al-Quran telah diadakan pada 1 Januari 2025 bersamaan 1 Rejab 1446H, yang dipimpin oleh Prof. Madya Dr. Mohd Nasir Ismail, selaku Pemangku Rektor ketika itu. Kesemua responden kajian juga menzahirkan kesyukuran dan kegembiraan mereka di atas kejayaan khatam Al-Quran tersebut.

Justeru, program ini diteruskan hingga ke hari ini dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan, terutamanya dengan sokongan penuh daripada pihak Pengurusan UiTM Cawangan Kelantan, khususnya Rektor, Prof. Dr. Mohd Afandi Mat Rani. Inisiatif ini menjadi

sebahagian daripada rutin kerja harian yang bukan sahaja memberi ketenangan jiwa, malah mempereratkan ukhuwah dalam kalangan staf.

Ini seiring dengan kajian yang menyatakan bahawa Majlis khatam Al-quran merupakan satu program yang bagus dan sesuai dilakukan bukan sahaja pada bulan ramadhan tetapi juga di bulan-bulan biasa. Majlis khatam Al-quran mempunyai implikasi positif yang baik dari sudut kerohanian, pendidikan dan juga sosial komuniti. Majlis khatam Al-quran adalah salah satu cara untuk menaikkan semangat dan menormalisasikan masyarakat untuk mendalami Kalamullah dengan terperinci (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2016). Majlis seperti ini dapat memberi kesan baik dari segi spiritual, sosial mahupun kebajikan umat islam.

ii. Menaikkan semangat untuk terus mendalami Kitabullah.

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa selaku guru pengajian Al-Quran ini beliau merasa bersemangat apabila bergaul dengan Kalamullah dan melihat para peserta sentiasa menyokong usaha murni ini untuk sentiasa diteruskan dengan turut serta dalam pengajian Al-Quran. Bilangan para peserta juga semakin bertambah dan mendapat sambutan. Selain itu, beliau juga turut mentadabbur ayat-ayat pilihan dan mengadakan perbincangan ringkas tentang mesej dan pengajaran ayat, sekaligus memberi impak rohani dan motivasi kepada peserta. Ini juga turut disokong oleh kesemua responden kajian apabila mereka menyatakan merasa semangat dan bermotivasi untuk terus mempelajari Al-Quran. Menurut (Azwanie Mat Zain, 29 Julai 2025) dan (Norizyani Mohd Ghazali, 2025), peranan yang dimainkan oleh guru sememangnya memotivasikan peserta dengan menyelitkan sedikit tadabbur Al-Quran dan ibrah daripada surah-surah atau ayat-ayat pilihan. Ini juga sebagaimana (Siti Hawa Attikah Mohd Roslan, 2025) menyatakan bahawa rasa ingin mendekatkan diri dengan Al-Quran semakin kuat. Jika sebelum ini agak jarang membaca Al-Quran, namun sekarang ada peningkatan. Rasa satu ketenangan ketika menyentuh dan membaca Al-Quran. Ini ditambah lagi apabila adanya sedikit sesi tafsir serta tadabbur Al-Quran yang dibuat oleh guru mereka. Selain itu (Tuan Azizah Tuan Yusof, 2025) juga menyatakan bahawa beliau merasa bersemangat memulakan pekerjaan disebabkan oleh dibukakan hari dengan mempelajari Al-Quran terlebih dahulu dan merasa adanya keberkatan masa dan kemudahan yang diberikan oleh Allah SWT dalam kehidupan.

iii. Merasa lebih yakin

Menurut (Lotfi Wan Bedurdin, 2025) menyatakan bahawa dengan sentiasa melazimi Kalamullah ini juga membuatkan diri beliau merasa lebih yakin kerana sentiasa mengajar dan tidak jemu mempelajari Kalamullah ini daripada guru-Al-Quran yang lebih pakar. Kesemua responden juga menyatakan sedemikian kerana berkat Kalamullah mereka merasa lebih yakin untuk menghadapi kehidupan ini. Menurut (Tuan Azizah Tuan Yusof, 2025) dengan mempelajari Al-Quran membuatkan beliau merasa lebih yakin untuk membaca Kitabullah kerana semasa sesi pengajian guru dan para peserta sama-sama bersungguh-sungguh dalam mendalami Al-Quran dan guru juga bersungguh-sungguh dalam pengajarannya. Hal ini juga sebagaimana (Siti Hawa Attikah Mohd Roslan, 2025) menyatakan bahawa beliau merasa lebih yakin apabila bergaul dengan Kalamullah kerana beliau dapat merasai peningkatan dalam penguasaan ilmu tajwid, cara pembacaan dan cara sebutan yang betul.

iv. Mengeratkan silaturrahim

Kesemua responden termasuk guru pengajian Al-Quran di Pejabat Bendahari menyatakan bahawa hasil yang didapati daripada pengajian Al-Quran ini ialah ianya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim apabila kesemua duduk bersama dalam majlis ilmu dan saling bertegur

sapa. Mereka juga mengakui bahawa dengan berkat Kalamullah ini menyatukan mereka di atas syiar Islam yang sebenar tanpa wujudnya pergaduhan mahupun perselisihan faham akan tetapi ianya dilakukan dengan cara yang terbaik dan berhikmah sebagaimana yang diajarkan oleh Islam.

### Kesimpulan

Program Pembudayaan Al-Quran yang dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Kelantan mendapat sambutan yang baik oleh semua pihak antaranya Pejabat Bendahari antara bahagian yang menyahut cabaran dalam mempelajari Kalamullah ini secara konsisten. Kesemua responden kajian juga memberikan respon yang positif dan berharap agar pengajian Al-Quran ini terus diadakan melihat kepada kepentingannya bukan sahaja untuk kebaikan di dunia malah di akhirat juga. Mereka juga mengakui terdapat banyak faedah yang mereka perolehi antaranya ialah penambahbaikan dalam bacaan Al-Quran dengan berjaya khatam Al-Quran, menaikkan semangat dan motivasi, merasa lebih yakin dan dapat mengeratkan silaturrahim apabila sama-sama dalam majlis ilmu iaitu bersama-sama dalam pengajian Al-Quran

### Rujukan

- Abd al-Salam Muqbil al-Majidi. (2000). *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim*. Muassasah al-Risalah.
- Abdul Aziz Abdul Ra'uf Al-Hafidz, *Anda Pun Bisa Menjadi Hafidz Al- Qur'an*, (Jakarta: Markas Al-Qur'an, 2009), hlm. 125-127.
- Abdul Hadi Awang. Muhammad Aizat Syimir, Wan Ramizah hassan & Mohd Norzi Nasir, *Universiti islam Selangor dalam Isu-isu Kontemporari dalam pengjian al-Quran dan Sunnah*. Siri 5. 2024. Penerbit FPPI Universiti Islam Selangor.
- Abdul Hafiz Abdullah, Ajman Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, Che Ibrahim, Abu Hasan & Mahmood Sabtu. "Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang". *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*. Jilid 6 (Bil.1) 2021: 80-94
- Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman (2023). *Peranan Al-Quran dan Al-Hadith Dalam Kehidupan Muslim*. *Jurnal Ilmi*. Volume 13 2023 : 187-210
- Anuar bin Hasin, N. A. (2020). *Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwi. d Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah*, Universiti Sains Islam Malaysia
- Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri, & Nurul Huda Hassan. (2019). *Pelaksanaan amalan talaqqi dan musyafahah dalam kalangan pensyarah Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia*. *Islamiyyat*, 41(1).
- Ashraf Ismail, K. O. (2020). *Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran*. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Fatin Husna & Noornajihan. (2024). *Hafazan al-Quran: Peringkat dan Kemahiran Hafazan*. *Jurnal Qiraat*, 2024 Vol 7, Bil 2.
- Jamilah Ahmad et al. 2021. *Kaedah Pengajaran Interaktif dalam Pembelajaran Al-Quran Kanak*. *Journal Pengajian Islam*.
- Mohamad, Ramli & Alias. "Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran". *Jurnal Al-Turath*; Vol. 5, No. 1;2020 E-ISSN 0128-0899 32.

- Mohd Hazwan Nor Hashim & Abd Rahman Abd Ghani (2025). Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Berdasarkan Dabṭ Al-Quran: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Agama. *Jurnal Qiraat* | e-issn: 2636-9521. Vol 8, Bil 1.
- Mohd Nahi Abdullah. (2018). Amalan pengajaran tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru pendidikan Islam. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Moktar & Mohd Sharif. “Kaedah Talaqqī Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran”. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. Bil. 32 (1), 153-174, 2021 (Jun) E-ISSN 2590-4086.
- Muhammad Amirullah Jasni & Mohd Isa Hamzah. (2023). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran Di Malaysia. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. e-ISSN: 2785-9479.
- Muhamad, Hashim, Abdullah, Kamarul Zaman & Zamri. “Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK Di Perak”. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 273-283. DOI: 10.35631/IJEPC.4320025. 2019
- Mustafa & Basri. “Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal”. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (E-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, Pp.827-834. Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA. Organized By Worldco
- Norafifah Ab Hamid, Mohd Fauzi Hamat, Azmil Zainal Abidin, Mariam Abdul Rahman (2025) Melestarikan Islam di Alam Melayu Menerusi Pengajian Ilmu Kalam Berdasarkan Perspektif Ibn Khaldun. *Jurnal usuluddin Universiti Malaya*. Vol 53 (1) 2025: 31-54.
- Norhisham Mohamed, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Qur’an Wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32). conferences.Net
- Nurhidayah Abdul Rasheedi, Wan Nur Nazihah Wan Zamriiii, Nabila Irdini Mat Yaacobiiii, Maisarah Saidiniv (2022). TERJEMAHAN HADIS ISYARAT MESRA OKU PENDENGARAN (OP): HADIS KEWAJIPAN Mencari Rezeki Yang Halal. E-prosiding SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS 2022 (SAS 2022). USIM
- Nurul Husna Mysaddin & Hafizhah Zulkifli (2023). Kaedah-kaedah Pengajaran Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam Mengajar Tilawah Al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 6, Issue 2, 2023: 16-27
- Nurul Khadijah, Mohamad Redha, Mohamad Saifullah, & Shahirah. (2020). Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Omar, Mohd Yusuf. “Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014”. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. ISSN 2289 6325 Bil 13 (Julai) 2016.
- Rabeah Ghazali & Sabri Mohamad. (2019). Amalan talaqqi dan musyafahah dalam kalangan guru pendidikan Islam SJKC. *At-Tahkim*, 9(18).
- Sa’dulloh, 9 Cara Praktis Menghafal Alquran, Depok, Gema Insani, 2008.
- Shafiai & Abdul Rahim. “Hubungan Talaqqi Musyafahah dengan Bacaan Al-Quran Dan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Di Negeri Perak”. *UFUQ. International Journal of Arts and Social Science Research*. 1(2), 62-74. 2021
- Shafiza Safie, Zulkifli Mohamed & Hishamuddin Mohd Twontawi. (2021). Peranan Program Pembudayaan Al-Quran Bagi Pekerja Am Kontrak di UiTM Cawangan Kelantan. *RABANICA*. e-ISSN: 2756-7893. Vol. 2, No.1 (Mei 2021). 153-168.



- Sulaiman. 2018. “Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas”. E-Journal Of Islamic Thought and Understanding. Volume 2 Issue 1 January 2018 [Http://Ejitu.Uitm.Edu.My/](http://Ejitu.Uitm.Edu.My/) E-ISSN:2006- 9617 Page 4
- Umar Mukhtar Mohd Noor (2016), Mengikuti Khatam Al-Quran Dengan Amalan Sole: <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1793-mengikuti-khatam-al-quran-dengan-amalan-soleh>
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin. 2020. Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz
- Zainal Abidin, Omar & Yusof. “Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran”. Malaysian Journal For Islamic Studies E ISSN 2550-2042 Vol 3, Bil 1 2019 27.

#### Temubual

- Azwanie Mat Zain. Pembantu Tadbir Kewangan, Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ditemubual pada 29 Julai 2025.
- Lotfi Wan Bedurdin, Pembantu Tadbir Kewangan Kanan, Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ditemubual pada 28 Julai 2025.
- Norizziyani Mohd Ghazali. Penolong Akauntan. Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ditemubual pada 29 Julai 2025.
- Siti Hawa Attikah Mohd Roslan. Pembantu Tadbir Kewangan. Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ditemubual pada 29 Julai 2025.
- Tuan Azizah Tuan Yusof. Kerani Kanan. Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ditemubual pada 29 Julai 2025.